



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MINI KARNIVAL KERJAYA 3 DAERAH PERINGKAT
NEGERI MELAKA (JASIN)
TARIKH: 23 DISEMBER 2021 (KHAMIS)
MASA: 10.00 PAGI
DI MYDIN, JASIN, MELAKA.
(WAKIL: YB TUAN NGWE HEE SEM)

Salam sejahtera saya ucapkan kepada semua dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih pengacara majlis;

(Salutasi disediakan di atas rostrum)

MUKADIMAH

1. Apa khabar semua? Saya berharap semua yang hadir pagi ini dalam keadaan sihat sejahtera.

2. Pertamanya, saya sangat bersyukur dan gembira kerana diberikan peluang dan kesempatan untuk bertemu tuan-tuan dan puan-puan, adik-adik dan anak-anak dalam **Program Mini Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka (Jasin)** pada penghujung 2021 ini.

3. Di kesempatan ini, bagi pihak YAB Ketua Menteri, saya merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak penganjur, terutama kepada Yang Berbahagia Datuk Maslina binti Baki, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Institut Tun Perak dan PERKESO Negeri Melaka selaku penganjur utama, serta

semua agensi yang terlibat, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Mini Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka (Jasin) ini.

4. Saya juga menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri, kerana tidak dapat bersama di majlis ini disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu.
5. Penghargaan juga selayaknya diberikan kepada **semua Ahli Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Melaka (MTENM)**, kerana hasil mesyuarat yang memfokuskan kepada **isu kehilangan pekerjaan dan pengangguran**

pada 13 Oktober 2020 yang lalu, kita telah memutuskan, supaya diadakan Karnival Kerjaya pada skala yang lebih besar, melalui pendekatan *reach-out* untuk memudahkan rakyat Melaka, seperti hari ini.

6. Meskipun beberapa kali terpaksa ditangguh, kerana pematuhan terhadap syarat **Majlis Keselamatan Negara serta Pilihan Raya Negeri Melaka** yang baru selesai pada November yang lepas, dengan usaha gigih serta komitmen semua, maka akhirnya kita berjaya menganjurkan **Mini Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka** di setiap daerah dalam Negeri Melaka yang sungguh bermanfaat ini, khususnya

kepada rakyat Negeri Melaka dan juga negeri-negeri jiran kita.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

7. Karnival seumpama ini merupakan yang terakhir pada tahun 2021, setelah Kerajaan Negeri Melaka melalui UPEN, PERKESO, ITP dan agensi-agensi lain menganjurkannya bermula di daerah Alor Gajah pada April dan di Melaka Tengah pada Oktober yang lepas.
8. Pada masa yang sama, melalui PERKESO juga, terdapat pelbagai program buat pencari kerja dan

orang Melaka diadakan dari semasa ke semasa. Ada yang dilaksanakan secara fizikal, malah ada juga temu duga dalam talian. Kesemua program ini dianjurkan demi membantu rakyat Melaka, terutama dalam kalangan anak-anak muda untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan kerjaya.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

9. Jutaan terima kasih dan selayaknya wajar diucapkan kepada semua *frontliners* Negeri Melaka yang banyak membantu dalam usaha menangani wabak COVID-19. Hampir dua tahun sejak wabak ini melanda, ekonomi

negeri dan negara terjejas sehingga ramai rakyat negara ini, termasuk orang Melaka yang dibuang kerja, hilang pendapatan dan sebagainya.

10. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Melaka sentiasa berusaha dan berikhtiar sebaik mungkin dalam membantu rakyat, sama ada menyediakan peluang pekerjaan ataupun ruang untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan.
11. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan Kerajaan Negeri termasuk Dana Kasih Niaga, Melaka Bebas Berniaga, pengurangan cukai dan sewa di premis-

premis kerajaan, penganjuran Kursus Keusahawanan Digital dan pelbagai program lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Sememangnya, Kerajaan Negeri Melaka cukup komited dan bersungguh dalam membantu rakyat. Dalam **Misi Kelima Kerajaan Negeri Melaka**, kita meletakkan perkataan '**SEJAHTERA**', sebagai menandakan, keutamaan kita berkhidmat untuk rakyat.
13. Walaupun suasana dan sosio-ekonomi Negeri Melaka sudah mula bertambah baik, sektor pelancongan mula

beroperasi, kedai-kedai makan dikerumuni orang, tapi kita tetap mahu memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat Melaka.

14. Lebih-lebih lagi kepada graduan universiti dan anak-anak muda, Kerajaan Negeri Melaka mahu mendokong mereka dalam aspek kehidupan dan kerjaya.
15. Karnival Kerjaya di Alor Gajah dan Melaka Tengah telah berjaya memberikan pekerjaan kepada **213** pencari kerja, dan **570** orang untuk temu duga kali kedua. Kali ini, Mini Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka di daerah Jasin,

dimaklumkan ada lebih **50 jawatan** dan **940 kekosongan** yang disediakan oleh agensi dan majikan, yang akan berada seharian di sini, untuk memberikan peluang kepada anak-anak Melaka bagi membina kerjaya.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati,

16. Berbalik kepada program pada hari ini, saya mengajak semua hadirin, rebutlah peluang keemasan ini, ambillah segala manfaat daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam Karnival Kerjaya ini demi masa depan masing-masing.

17. Pada masa sama, saya berharap, kita semua patuhilah segala disiplin dan SOP yang telah ditetapkan. Maka oleh itu, kepada semua pengunjung,... anak-anak muda belia,... dan semua yang hadir pada hari ini,... saya berharap anda berjaya dan usahalah dengan bersungguh-sungguh.

18. Akhir kata, saya mewakili YAB Ketua Menteri Melaka dengan sukacitanya merasmikan **Mini Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka (Jasin)**.

Sekian, terima kasih.